



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 18

RABU 2HB MEI, 1979.

رابعو 4 جمادي الاخير 1399

PERCHUMA



YANG Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Major Dato Seri Laila Jasa Mohd Don bin Abdul Latif sedang menapakkan gangsa sirih ka-bahu Hajjah Dayang Masni dalam istiadat mengornikan gelaran pada hari Sabtu lalu.

ISTIADAT MENGORNIKAN GELARAN PEHIN MANTERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengornikan gelaran Pehin Manteri kepada Yang Mulia Hajjah Dayang Masni binte Haji Masri dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau di-sini pada hari Sabtu minggu lalu. Yang Mulia Hajjah Dayang Masni sekarang di-kenali sa-bagai **Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini.**

Chiri Gelaran di-Istiadat itu telah di-bachakan oleh

Mudim Haji Mohammad Yassin.

Istiadat yang di-langsungkan dengan penoh adat istiadat itu telah di-hadiri oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, DYT M Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Daro Setia Awang Haji Mohd Taib; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Yang Dimuliakan Pehin2, Pengiran2, Ketua2 Jabatan Kerajaan dan Penghulu2 serta Ketua2 Kampong.

Sementara itu satu Istiadat Mengagai terhadap

Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Mohd Tahir telah di-langsungkan di-Lapau petang semalam.

Istiadat tersebut ada-lah sa-bagai persediaan bagi Istiadat Mengornikan Gelaran Pehin Manteri kepada Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof yang akan berlangsung di-tempat yang sama pada hari Sabtu 5hb Mei.

Sedikit tentang "Berita Muzium" terbitan Muzium Brunei

"BERITA MUZIUM"! — demikian sa-buah penerbitan yang di-usahakan oleh Jabatan Muzium dan bentok-nya merupakan majalah berukuran 8" x 11½" dengan muka depan-nya dihias dengan Panji2 yang di-reka dari Duit Pitis yang sekarang berada di-bangun-an Muzium.

Mengandungi 51 halaman muka yang meliputi kepada lapan tajok yang berkisar pada tulisan2 dan laporan2 mengenai dengan kegiatan Muzium untuk mendekatkan masyarakat pada mengenali lebih dekat lagi tentang apa itu Muzium.

Isi-nya di-terbitkan per-chuma untuk tatapan kakitangan jabatan itu. Demikian-lah pada asas-nya Berita Muzium di-usahakan. Dan apabila saja ia-nya di-terbitkan, maka di-rasakan perlu ia-nya di-bahagikan juga kepada jabatan2 kerajaan, sekolah2 yang berkenaan dan pegawai2 daerah. Jumlah terbitan-nya begitu terhad — chuma 500 naskhah dan di-usahakan tiga bulan sekali.

Di-tinjau sambil lalu akan isi-nya dalam keluaran sulung-nya itu, ternyata Berita Muzium sa-bahagia besar-nya memang di-khaskan untuk pekerja2-nya lantaran ia-nya memuatkan lebeh banyak tentang susunan2 kakitangan di-bahagian2 yang terdapat di-jabatan itu.

Berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penguasa Pelajaran Agama, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Sabtu lalu untuk menjalani satu kursus sa-lama tiga bulan.

Awang Abdul Rahman akan mengikuti Kursus Pentadbiran Pelajaran di-Universiti Birmingham.

Berlepas pada hari yang sama ia-lah sa-orang buta, Awang Nasir bin Haji Hakim yang akan mengikuti kursus sa-lama enam bulan di-Republik Singapura.

Awang Nasir di-hantar oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan bagi melayakan beliau menjadi penolong jurulatih dalam bidang menganyam bakul.

Lihat muka 16

Masa untuk menyahut chabaran dan buktikan kebolehan

SINAUT, Tutong. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib menegaskan bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menubuhkan Sekolah Pertanian sa-bagai menyambong persekolahan bagi pelajar2-nya, malah mereka yang berjaya di-dalam-nya di-harapkan menjadi pengerak kemajuan pertanian negeri ini.

"Dan Kerajaan juga tidak berhasrat membiarkan mereka membiang hari dan menunggu waktu untuk menchari sa-barang pekerjaan sa-telah tamat dari sekolah berkenaan, tetapi sebak-nya mereka di-harapkan untuk menjadi perintis dari kalangan kaum sendiri."

Beruchap sa-belum menyampaikan sijil2 kepada 23 orang Pelateh Pertanian di-Pusat Latihan Pertanian pada hari Rabu lalu, Dato Setia Awang Abdul Rahman mengingatkan:

"Tugas Awang2 ia-lah untuk membawa dan menimbulkan kesedaran saudara2 kita yang lain ka-satu daerah yang jarang2 di-datangi oleh mereka ia-itu daerah pertanian."

Dato Setia Awang Abdul Rahman menambah kata bahawa dengan kelulusan yang di-chapai itu sudah sampai masa-nya mereka menyahut chabaran dan membuktikan kebolehan seperti apa yang telah di-hasilkan oleh orang lain.

Kata-nya ada terdapat

dakwaan bahawa hasil2 pertanian di-negeri ini banyak di-datangkan dari luar negeri atau pun di-usahakan oleh orang2 asing, maka sa-bagai orang yang di-iktiraf berpengetahuan dan berkebolehan di-lapangan berkenaan dakwaan itu ada-lah suatu chabaran kepada mereka.

Dato Setia Awang Abdul Rahman menyatakan keyakinan-nya bahawa banyak kemudahan2 yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan bagi membantu mereka jika mereka mencheborkan diri menjadi peladang se-penoh masa.

Lihat muka 16



AWANG Mohd Salleh bin Haji Mahmud, peserta terbaik keseluruhan usaha dan pengajian menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Dato Setia Awang Abdul Rahman.

Lihat muka 16



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

2HB MEI, 1979

KELEBEHAN DAGANG TERUS DI-CHAPAI

KELEBEHAN dagang luar negeri yang telah di-chapai oleh negeri kita dari nilai eksport yang melebihi nilai impot sa-panjang tahun 1978 yang lalu, merupakan satu kejayaan yang sungguh meyakinkan kita betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan kemakmoran rakyat serta penduduk negeri ini dalam bidang berkenaan ka-taraf yang lebih baik dan terjamin dari masa ka-semasa.

Nilai eksport yang di-chapai hasil dari sumber kekayaan negara kita pada tahun 1978 itu mencapai lebehan sa-banyak \$195 juta berbanding dengan yang di-chapai pada tahun 1977 yang menjadikan jumlah pertambahan sa-banyak \$4,195 juta, manakala nilai impot pula terus berkurangan sa-banyak \$41 juta dengan menjadikan jumlah kurangan yang di-perolehi sa-banyak \$639 juta.

Pertambahan jumlah perdagangan luar negeri (eksport/impot) ia-lah sa-banyak \$254 juta lebehan (nilai dagang eksport/impot tahun 1978 sa-banyak \$4,834 juta berbanding dengan jumlah dagangan tahun 1977 sa-banyak \$4,680 juta). Nyata hasil dari kejayaan itu lebehan imbalan perdagangan luar negeri tahun 1978 terus mencapai pertambahan sa-banyak \$236 juta (kelebehan nilai eksport dari nilai impot sa-jumlah \$3,556 juta berbanding dengan yang di-perolehi pada tahun 1977 berjumlah \$3,320 juta).

Tiga hasil utama eksport yang sentiasa memberi rahmat kelebehan itu ia-lah minyak mentah, gas che-chair asli dan hasil petroleum berjumlah \$4,105 juta ada-lah sumber pendapatan negara yang sa-makin meningkat dari yang pernah di-chapai pada tahun 1977 sa-banyak \$3,953 juta (lebehan eksport sa-banyak \$152 juta), manakala lain2 hasil juga turut bertambah kepada \$90 juta dari jumlah yang di-perolehi pada tahun 1977 sa-banyak \$47 juta.

Sementara nilai impot yang di-buat pada tahun 1978 kian menghasilkan kurangan perbelanjaan dari tahun 1977 dengan jumlah \$639 juta berbanding \$680 juta. Kesemua barang2 impot terdiri dari alat2 jentera dan pengangkutan, barang2 perusahaan, makanan, buatan, kimia dan lain2 keperluan.

Kita sungguh beruntung dalam perkara ini kerana kebanyakan hasil eksport yang kita keluarkan mendapat pasaran yang utama ka-beberapa buah negara maju di-sa-belah rantau ini terutama Jepun yang telah mengimpot hasil keluaran negara kita sa-jumlah \$3,108 juta, Amerika Sharikat sa-jumlah \$383 juta, Singapura sa-buah negara membangun rantau Asia mengimpot dengan nilai \$203 juta dan negeri2 lain sa-jumlah \$499 juta. Dari \$639 juta nilai impot barangan pada tahun 1978 itu sa-jumlah \$155 juta datang-nya dari Jepun, \$140 juta dari Singapura, \$97 juta dari Amerika Sharikat, \$68 juta dari Britain dan \$179 juta dari negeri2 lain.

Dari kedudukan lebehan nilai dagang eksport/impot yang kita chapai itu jelas meyakinkan kita betapa sa-bagai sa-buah negara yang sedang menuju proses pembangunan-nya sumber kekayaan minyak mentah dan hasil bumi yang lain maseh mengalir sejak beberapa dekad yang lalu itu, negara kita tetap mempunyai kedudukan yang utama sa-bagai negara peng-eksport sumber berkenaan kepada negara2 tersebut dan dari kekuatan itu keuntongan yang berlipat-ganda akan terus mengalir masuk kepada kita bagi membiayai apa jua bentuk ranchangan pembangunan negara.

Kebimbangan tidak perlu timbul dalam perkara ini sekali pun dalam banyak hal negara kita maseh bergantung kepada barang2 impot lain terutama makanan untuk menampung kekurangan dalam negeri, kerana nilai lebehan eksport ketika ini maseh memberikan kemampuan dan keyakinan kepada negara kita buat masa2 yang akan datang pada mengatasi-nya.



Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula dari 25hb April, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Aik Thye,
No. 25, Jalan Sultan.
2. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur.
b) Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) A. Muthian,
No. 9, Jalan McArthur.
b) Chai Huat Trading Company,
No. B-2, Jalan Roberts.

KUALA BELAIT

1. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan
Perdagangan China.
2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty.
b) Guan Heng,
No. 30-C, Jalan Sungai.
c) Chop Hwa Min,
No. B, Bangunan Dewan
Perdagangan China.

- d) Chop Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan
Perdagangan China.
- e) Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Raya.

3. GARAM HALUS (Chap Play Basket) — 50 sen sa-kotak boleh boleh di-beli dari kedai berikut:—
Seng Hup Hin,
No. 30, Jalan Pretty.

SERIA :

1. LADA KERING — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company,
No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
d) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
e) Haji C. A. Mohammed,
No. 51, Jalan Bunga Kuning.
f) Sim Fatt Hin,
No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh boleh di-beli dari kedai berikut:—
Poh Seng,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

PENGIRIMAN pertama dan kedua sa-banyak 29 ekor lembu yang di-impor oleh McFarm Berhad dari Australia telah tiba di-negeri ini pada minggu lalu dan minggu ini.

Lembu2 tersebut ia-lah jenis Brahman dan Draughtmaster dan akan di-pelihara di-ladang sharikat tersebut di-Kampung Tungka Gadong.

Sa-banyak 17 ekor lembu jantan jenis Droughtmaster dan tiga ekor lembu jantan jenis Brahman ia juga akan di-pelihara di-ladang lembu sharikat sa-bagai indong kepada anak2 lembu yang akan di-bekalkan melalui Jabatan Pertanian kepada penternak2 lembu di-negeri ini. Sharikat McFarm Berhad juga telah membeli 50 ekor lembu betina jenis Droughtmaster dari Jabatan Pertanian untuk projek pengeluaran anak2 lembu sharikat tersebut.

McFarm Berhad ia-lah sa-buah sharikat yang bekerja rapat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khas-nya melalui Jabatan Pertanian dan telah memulakan usaha2 ladang-nya dalam bulan Julai tahun lalu.

Gambar atas ia-lah lembu2 dalam pengirisan pertama yang tiba dengan kapal terbang kargo Flying Tigers pada hari Selasa minggu lalu.

Berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN — Sa-orang Penyunting Berita Kanan di-Bahagian Berita Jabatan Radio Talivishen Brunei, Awang Zainal Abidin bin Tinggal telah berlepas ka-England pada minggu lalu untuk menghadiri kursus sa-lama tiga bulan di-sana.

Beliau akan di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran British BBC, di-London bagi menjalani kursus penulisan berita bagi radio dan talivishen dan sa-lama dua minggu lagi di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran British, BBC Glasgow, Scotland.

Awang Zainal Abidin ia-lah pegawai yang ke-empat dari RTB menghadiri kursus sa-umpama itu.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 3hb hingga 9hb Mei, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	3.5.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara	3.5.1979	Khamis	4.30- 5.30 ..
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	5.5.1979	Sabtu	2.00- 3.00 ..
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	5.5.1979	Sabtu	3.15- 4.15 ..
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	5.5.1979	Sabtu	4.30- 5.30 ..
Sekolah Melayu Sungai Hanching	7.5.1979	Isnin	3.00- 4.00 ..
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	7.5.1979	Isnin	4.30- 5.30 ..
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	8.5.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	8.5.1979	Selasa	10.30-11.30 ..
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	9.5.1979	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	9.5.1979	Rabu	9.45-10.45 ..
Sekolah Melayu Masin	9.5.1979	Rabu	11.00-12.00 T/Hari



Dayang Hajjah Masni prior to her installation.

HAJJAH MASNI MADE PEHIN MANTRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah made Dayang Hajjah Masni binte Haji Masri a Pehin Mantri at a ceremony held at the Lapau here on Saturday.

Dayang Hajjah Masni is now known as Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Dayang Hajjah Masni. The ceremony was witnessed by the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, Duli Yang Ter-

amat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka

Pengiran Pemancha, the Acting State Secretary, Dato Paduka Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Haji Mohammad Taib, Yang Amat Mulia Pengiran Cherterias, Pehins and senior government officials.

Correction

The investiture ceremony which appeared in the PELITA last week was attended by the Acting State Secretary, Dato Paduka Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Awang Haji Mohammed Taib NOT, as was erroneously published, by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, who was away overseas.

Penghulus, Ketuas visit BSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — A party of thirty Penghulus, Kampong Ketuas and Ketuas of Longhouse in the Tutong District led by the Acting District Officer, Awang Puasa bin Tudin paid a visit here last week.

They first went to the Arts and Craft Training Centre at Kampong Perpindahan, Berakas where they saw demonstrations of traditional artwork and handicraft, including gong-

making, silver work and basket weaving.

From there the visitors proceeded to the Brunei Museum at Kota Batu where they were shown around to see the many displays.

They were also briefed

by the Acting Museum Officer of the Natural History Section, Awang Mohammed Jaya bin Sahat. They concluded their visit with a tour of the Cultural and Historical Centre of the Churchill Memorial Complex here.

New school complex for Sengkarai

TUTONG. — Work has started on the construction of a school complex at Kampong Sengkarai here. The school to cost more than three million six hundred and ninety-eight thousand dollars is scheduled to be completed in June next year.

When completed it will have among other things a two-storey administration block, three blocks of three-storey classrooms, six blocks of Class 'F' teachers' flats, covered-ways and

playing fields.

Special features consist of fire alarm system to the school blocks and Central Aerial TV to the Teachers' Flats.

Vacancies for Inspectors

GADONG. — The Royal Brunei Police Force is inviting applications from young men to join the force as Inspectors.

Applicants should be between nineteen and twenty-six years of age, have studied up to Form Five in English, be at least five feet four in height and physically fit.

Successful applicants will undergo eight months of initial training at the Police Training Centre in Jalan Muara.

Application forms which are available from the Police Headquarters here and at Panaga, should be submitted to the Commissioner of Police, before June 15.

Old stamps to be auctioned

KUALA BELAIT. — The Philatelic Society of Brunei will hold an auction of stamps and First Day Covers of Brunei, Malayan States and Commonwealth here this month.

The auction will take place at the Perdana Wazir English School on Sunday, May 6 starting at 3.15 pm.

The Perdana Wazir English School Stamp Club will hold a display of stamps of Sarawak dated from 1869 to 1965 at the auction.

Frozen food dealers must be licensed

BANDAR SERI BEGAWAN. — All wholesale dealers of frozen foods including fish, meat, poultry and meat products must obtain licences to sell such foods.

The Public Health Services of the Medical and Health Department said in a statement that the dealers whose premises are within the Municipal Board limits should get their licences from the Chairman of the Municipal Board.

The statement said the dealers whose premises are outside the Municipal Board areas should obtain their licences from the District Officer.

23 trained farmers receive certificates

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty-three agricultural trainees last week received their certificates at a ceremony held at the Agriculture Training Centre at Sinaut.

The students who had just completed a two-year farming course at the centre received the certificates from the Acting State Secretary, Dato Paduka Abdul Rahman bin Dato

Paduka Haji Mohammed Taib.

Dato Abdul Rahman also presented prizes to three of the trainees who excelled in the three main agricultural fields namely cattle, fruits and pepper.

The three students were Awang Mohammad Salleh bin Haji Mahmud who was best in cattle rearing, Awg Buntar bin Gani in fruits farming and Awang Abas bin Jaafar in pepper cultivation.

Awang Mohammad Salleh was also the best all-round student of the two-year course.

Among those present at the ceremony were the Director of Agriculture, Awang R B Woodroffe, the Public Relations Officer at the Extension and Training Section of the Agriculture Department, Awang J St J Groome and a representative of the Chairman of the Advisory Board, Awang Chua Peng Siong.

Woodbadge course for scouts

GADONG. — Some twenty scout leaders and venture scouts from throughout the State attended a two-day Woodbadge course at the Scout Headquarters here last week.

The course which started on Saturday was declared open by the State Scout Commissioner, Dato Paduka Haji Mohammad Daud who also presented Woodbadges to the scout leaders.

In the afternoon, Mrs Watson, the wife of the British High Commissioner, presented certificates to the participants of the course.



One of the best students, Awang Abbas bin Jaafar receiving his prize from Dato Abdul Rahman.

Live firing exercises

TUTONG. — The Armoured Reconnaissance Squadron of the Royal Brunei Malay Regiment starts a two-day live firing exercise at the Binturan Firing Range today.

The exercise is being carried out between six in the morning and six in the evening and is centred along the beach from Sungai Binturan to Sungai Tendureh Damit.

The areas are strictly out of bound to civilians and are marked with red flags.

The Tenth Princess Mary's Own Gurkha Rifles are also conducting a live-firing military exercise.

The exercise is being conducted at the Seria military range and people living in the area are warned not to enter the area during the exercise.



Thirty-eight students of the Sixth Form Centre, Gadong donated blood to the Blood Bank of the General Hospital last week.

A nurse is seen here taking the blood of one of the students.



Perlawanan Semi-Marathon anjoran Persatuan Belia Sumbiling

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling akan menganjorkan Perlumbaan Semi-Marathon pada 3hb Jun akan datang. Perlumbaan tersebut ada-lah terbuka kepada semua penduduk di-negeri ini.

Perlumbaan tersebut akan di-bahagikan kepada lima kumpulan ia-itu lelaki Terbuca — untuk peserta lelaki berumur 15

tahun ka-atas; lelaki Veteran — untuk lelaki berumur 35 tahun ka-atas; Wanita Terbuca — untuk peserta perempuan yang berumur 14 tahun ka-atas; lelaki berpasokan — 5 orang sa-pasokan dan peserta2-nya hendaklah berumur 15 tahun ka-atas dan Wanita Berpasokan — terdiri dari 5 orang sa-pasokan dan peserta2-nya mesti-lah berumur 14 tahun ka-atas.

Peserta2 lelaki akan berlepas dari Pekan Muara sementara peserta2 perempuan pula berlepas dari simpang Jalan Mentiri/Pangkalan Sibabau. Kedua2 perlumbaan tersebut akan berakhir di-hadapan Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Sa-tiap peserta akan dikenakan bayaran masuk bertanding. Peserta perseorangan akan dikenakan bayaran \$1.00 sementara berpasokan sa-banyak \$3.00.

Kenderaan bagi membawa peserta2 ka-tempat berlepas akan di-sediakan oleh pihak penganjur. Borang2 dan syarat perlumbaan sekarang boleh didapati dari:

Che'gu Mustapha bin Hj Murni, Pusat Tingkatan Enam, Gadong; Che'gu Arpan Shahbudin bin Haji Abdul Latif, Maktab SOAS (Senior); Awang Mahmud bin Ibrahim, JKR Bahagian Bangunan; Awg Mohd Yusof bin Haji

Murni dan Awang Osman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Haji Mohd Tamin, kedua2-nya di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

Borang2 penyertaan beserta wang bayaran masuk hendaklah sampai kepada pihak penganjur tidak lewat dari 23hb Mei, 1979.

Sekolah Melayu Sengkarai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembenaan ka-atas sa-buah sekolah di-Kampung Sengkarai, Tutong telah pun di-mulakan sejak akhir bulan Mach lalu.

Komplek yang menelan belanja sa-banyak \$3,698, 221.00 itu mengandungi sa-buah blok pentadbiran dua tingkat, tiga buah blok 3 tingkat bagi bilek2 darjah, enam buah blok rumah pangsa Class F dan sa-buah padang permainan.

Sa-lain dari itu blok2 bilek darjah akan di-lengkapkan dengan sistem amaran kebakaran dan central Aerial TV juga akan di-pasang di-bilik rumah guru.

Kerja2 pembenaan komplek itu di-selenggarakan oleh Pemborong Ting Pang Hang dan Anak2 dan projek itu di-jadualkan siap dalam bulan Jun tahun depan.

jualan lelong setem

KUALA BELAIT. — Persatuan Pengumpul Setem Brunei akan mengadakan satu jualan lelong setem dan sampul2 surat hari pertama Brunei, Negeri2 Persekutuan Tanah Melayu dan Komonwel di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-sini

pada hari Ahad 6hb Mei mulai jam 3.15 petang.

Pada hari itu, Kelab Setem Sekolah Inggeris Perdana Wazir juga akan mempamerkan beberapa jenis setem Sarawak dari tahun 1869 hingga 1965.

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI2 KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dinaikkan pangkat ka-Bahagian II. Mereka ia-lah Ak Abu Bakar bin Pg Haji Sarifuddin, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama yang telah dinaikkan menjadi Pegawai Pelajaran Ugama sementara Awg Ahmad Bukhari bin Hj Hanifah, Guru Sekolah Arab dilantik menjadi Pegawai Pentadbir Tingkatan I di Jabatan Pelajaran. Kenaikan pangkat bagi Ak Abu Bakar bermula dari 2hb Nobember, 1978 manakala kenaikan bagi Awang Ahmad Bukhari bermula dari 1hb Ogos, 1978.

Kenaikan pangkat pegawai2 ini telah di-umumkan oleh Jabatan Perjawatan baru2 ini.

Dua orang juruteknik di Jabatan Radio Talivishen telah dinaikkan pangkat ka-jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan ia-itu jawatan dalam Bahagian III. Mereka ia-lah Awang Moppy bin Mokti, Pembantu Teknik Tingkat III dan Awang Rosli bin Haji Mohiddin @ Mohin, Penolong Perakam Suara Filem. Lantekan bagi kedua2 pegawai itu bermula dari 1hb April, 1979.

Jabatan Perjawatan juga mengumumkan pertukaran jawatan enam orang pegawai dari beberapa buah jabatan.

Tiga orang Ketua Pembantu Teknik di Jabatan Letrik ia-itu Awang Y Chao Lin, Awang Kok Nam dan Awg J B Holm telah di-tukar sa-bagai Ketua Teknik di-jabatan yang sama mulai dari 1hb Januari, 1978.

Dua orang Pensyarah Maktab Perguruan Ugama, Awang Abd Ghani bin PDPD Haji Abd Rahman dan Awang Junaidi bin Pehin Orang Kaya Peko Setia Dato Paduka Hashim telah di-tukar sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkat I mulai dari 1hb Ogos. Awang Abd Ghani sekarang di-tempatkan di Pejabat Daerah Belait sementara Awang Junaidi di Jabatan Kerja Raya.

Awang Emran bin Othman, Penyelia Pergerakan di Jabatan Setia Usaha Kerajaan Bahagian Perancangan Ekonomi telah di-tukar sa-bagai Penolong Perangkaan di-jabatan yang sama mulai dari 1hb Mach, 1979.

Sementara itu, sa-orang Guru, Awang Marsal bin Haji Hassan, telah bersara pada 31hb Januari, 1979 yang lalu.

Liga bolasepak JKR bermula 11hb Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan menganjorkan perlawanan liga bolasepak antara bahagian jabatan tersebut mulai bulan ini.

Sa-banyak 14 buah pasukan yang mewakili bahagian masing2 termasuk dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan pembukaan akan di-langsungkan pada hari Jumaat, 11hb Mei bertempat di-Padang Besar di-sini. Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohd Salleh bin Hj Hidup di-jadualkan merasmikan perlawanan tersebut.

Perlawanan yang di-adakan bersempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

pertuan Negeri Brunei itu ada-lah bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Pengarah Kerja Raja, YB Dato Haji Talib bin Derwish dan Piala Timbalan Pengarah Kerja Raja, Pg Ismail bin Pg Haji Dami.

Tahun lalu perlawanan tersebut di-menangi oleh pasukan BAJAYA dari Bahagian Jalan Raya Kanan.



GAMBAR atas kelihatan Awang Abdul Latif bin Aspar salah sa-orang dari 38 orang penuntut Pusat Tingkatan Enam Gadong yang telah menderma darah untuk Tabung Darah Negeri Brunei. Pendermaan darah tersebut telah di-adakan di-Bilik Kechemasan sekolah itu pada hari Khamis minggu lalu.

Lesen untuk menjual makanan beku

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan dan Kesihatan menghendaki semua pemborong2 makanan beku termasuk ikan, daging bahan2 keluaran ternakan dan daging dan lain2 supaya mendapatkan lesen untuk menjual bahan2 makanan tersebut.

Peniaga2 yang menjalankan perniagaan di-dalam kawasan Bandaran hendaklah mendapatkan lesen dari Pengerusi Lembaga Bandaran yang berkenaan manakala peniaga di-luar bandar hendaklah mendapatkan lesen tersebut dari Pegawai2 Daerah yang berkenaan.

Sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — 'Brunei Statistical Yearbook' bagi tahun 1976/1977 sedang di-jual kepada orang ramai.

Buku tersebut berharga \$3.00 sa-naskah dan boleh di-beli dari Bahagian Penerangan, Jalan MacArthur, Bandar Seri Begawan pada bila masa waktu bekerja.

BEBERAPA SHARAT MENJADI PENDAKWAH ISLAMIAH

(SAMBONGAN)

OLEH
**YB. PEHIN DATU
IMAM DATO PADUKA
SERI SETIA HJ.
ABD. HAMID**

**Seminar
Dakwah
Islamiah
Pegawai2
Rendah
Kerajaan**

PENDAKWAH mesti-lah berdakwah dengan ikhlas dan bukan kerana sa-suatu kepentingan dunia. Kerana dengan ikhlas itu sahaja-lah akan di-terima Allah segala amal yang berkebaikan itu. Yang di-maksudkan dengan ikhlas itu ia-lah mengerjakan sa-suatu amal yang di-suruh oleh Allah dengan niat sa-mata2 kerana Allah Ta'ala jua. Ikhlas itu suchi daripada mengharap-kan pu-jian manusia, suchi dari-pada mengharap-kan kebe-सान dan kemegahan du-nia.

Sa-buah Hadith Qudsi yang telah di-riwayatkan oleh Ibnu Majah ada me-nyebut nas-nya seperti be-ri-ikut yang erti-nya: *Aku (Allah) ada-lah paling su-chi daripada sa-barang tara (sekutu). Barangsiapa mengerjakan sa-suatu pe-kerjaan yang di-dalam-nya ada ia menyengutukan Aku dengan yang lain (berkerja bukan kerana Allah sa-mata2), maka Aku ada-lah terlepas daripadanya (ti-ada memberikan apa2 gan-jaran pahala terhadap pe-kerjaan-nya). Dan ia ada-lah terputus kapada apa yang di-sekutukan-nya. Dan barangsiapa yang menuntut bukan kerana keredhaan Allah pada pekerjaan-nya neschaya pekerjaan-nya itu akan menjadi jahat akibat-nya di-akhirat sa-kalipun ia-nya merupakan sembah-yang, atau jihad atau ilmu".*

Pendakwah ada-lah perlu ikhlas di-dalam tugas-nya apalagi ia ada-lah termasuk orang2 yang berhadapan dengan berbagai-bagai sua-sana, kadang2 berhadapan dengan orang2 yang ber-kuasa lagi dzalim, dan ber-hadapan dengan orang2 yang sombong dan degil serta berhadapan dengan berbagai kejahatan dan pe-rangai orang2 yang jahat. Maka senjata yang paling berkesan pada menghadapi segala2-nya itu ia-lah ikhlas dan hidup sa-chara zuhud. Hidup sa-chara zuhud be-erti hidup tiada menguta-makan kepentingan2 dunia sa-umpama berdakwah de-ngan tujuan menchari pa-ngkat kebesaran, menchari nama, dan penga-roh2 keduniaan yang lain. Begitu juga hidup sa-chara zahid bererti tiada tamak-kan harta dan kekayaan. Ini bukan-lah bererti dia mesti hidup sa-chara mis-kin atau meminta-minta kapada orang atau berhenti daripada mencari harta kerana harta itu mesti di-chari tetapi yang di-mak-sudkan di-sini bahawa sa-bagai pendakwah ia mesti-lah mengikis sifat2 tamak-kan harta.

Imam Al-Ghazali (mati pada tahun 505 Hijrah) pernah menulis di-dalam kitab-nya yang bernama AHYA ULUMUDDIN ten-tang zuhud itu antara lain kata-nya: *Ketahui-lah ba-hawa kemungkinan ada di-sangkakan bahawa orang yang meninggalkan harta itu orang yang zahid, sa-benar-nya bukan demikian. Sa-sungguh-nya meninggal-kan harta dan menampak-*

kan diri dalam keadaan yang serba kurang itu ada-lah mudah bagi orang yang suka di-puji sa-bagai sa-orang yang zahid. Tetapi hidup sa-chara zahid itu ada-lah berkaitan dengan hal ehwal jiwa.

Dan patut-lah orang yang zahid pada bathin-nya itu di-kenal dengan tiga tanda ia-itu:—

(Pertama) — Tiada-lah ia terlalu gembira (sa-hing-ga tiada bersukor kapada Allah) dengan apa yang di-kor-niakan Allah kapada kamu.

(Kedua) — Sama bagi-nya antara orang yang men-chela-nya dengan orang yang memuji-nya.

(Ketiga) — Hendak-lah kesukaan-nya pada ber-damping dengan Allah dan ghalib pada hati-nya terda-pat rasa manis pada ber-buat taat kapada Allah itu.

(BERSAMBONG)

MAJLIS PENGISLAMAN

TEMBURONG. — Satu majlis pengislaman bagi 11 orang Iban sa-keluarga di-Rumah Panjang Kampong Amo "B" di-sini telah di-langsungkan baru2 ini.

Majlis pengislaman itu di-selenggarakan oleh Yu-nit Gerakan Dakwah dan di-Pengerusikan oleh Pegawai Agama Kanan Awg. Hj. Abu Bakar bin Hj. Tengah yang mana juga mengislamkan saudara2 itu bersama Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awg. Hj. Ya'akub bin Hj. Ahmad. Beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan ser-ta Pegawai dari Pejabat Agama telah hadir di-majlis itu.

Uchapan telah juga di-

sampaikan oleh Awg. Hj. Abu Bakar bin Hj. Tengah, Pegawai Agama Kanan ia-itu sa-laku Pengerusi. Pe-mangku Pegawai Daerah Temburong, Awg. Haji Ya'akub bin Hj. Ahmad dan Pemangku Kadhi Da-erah Temburong, Awg. Hj. Besar bin Abu Bakar.

Ahli2 keluarga yang telah memeluk Ugama Islam itu kini di-kenali dengan nama Islam-nya seperti berikut:—

Nordin bin Abdullah, Dy Zaiton bte Abdullah, dan anak2 mereka ia-lah: Abd Lofti bin Nordin, Abd Arifin bin Nordin, Dy Mastony bte Nordin, Abu Sofian bin Nor-din, Dy Norzannah bte Nordin, Dy Noraini bte Nordin, Dy Siti Zubidah bte Nordin, Dy Fadilah bte Nordin dan Dy Siti Zayah bte Nordin.



MEMANG-NYA tidak da-pat di-sangkaln lagi, sa-tengah2 kita telah da-pat di-pengarohi oleh sikap pen-jemu dan pengalangan. Ini ada-lah di-sebabkan kita telah tertarek dengan sa-su-atu yang kita anggap me-lebehi daripada apa yang telah ada dan apa yang telah di-rasa, lantas kita te-rus menukar selera kapada yang kita anggap serba baru itu. Juga ada-lah di-sebabkan kita telah bosan dengan apa yang kita ada itu. Betapa tidak-nya, sa-tiap hari, itu dan itu juga. Ini ada-lah antara sebab2 kita chepat jemu dan che-pat kalangan.

Terkadang-kadang aki-bat2 yang di-terima hasil dari bersikap penjemu dan pengalangan ini ada-lah baik. Tapi tidak juga di-nafikan yang kita akan menerima akibat yang bu-rok. Ini terputus-lah ka-pada penggunaan masing2. Jika di-gunakan tepat pada tempat-nya, tentu-lah hasil-nya akan baik. Tapi jika di-salah-gunakan, tentu-lah hasil-nya akan menge-chewakan.

Sa-bagai misalan, ba-nyangkan yang kita meng-utamakan dan menetek-be-ratkan tentang pakaian. Kita selalu saja mengikut peredaran dan perubahan2 feshen pakaian. Apa bila saja kedengaran oleh kita satu2 rekaan baru, maka kita akan terus terikut-ikut.

Pendek-nya, apa saja re-kaan baru kita tidak keting-galan untuk mengikut-nya. Ini bererti kita ada-lah sa-orang yang chepat penjemu dan pengalangan. Ada yang baru di-ikut dan ting-gal-lah yang lama terbiar begitu saja. Kalangan yang ini, ubah lagi yang itu dan begitu-lah sa-terus-nya. Ha-sil-nya, kita akan melihat pakaian2 kita bertimbun-timbun. Pada hal yang kita anggap lama itu ada-lah maseh baru dan boleh ta-han lagi. Dari sini dapat-lah kita menilai yang pe-rubahan saperti ini ada-lah tidak baik. Betapa tidak-nya, kita telah membazir-kan pakaian2 kita yang pada hal ada-lah baik dan

PEMBOROS ADA-LAH SAUDARA SHAITAN

boleh di-ketengahkan lagi. Ini juga bererti membazir-kan wang ringgit. Kalau-lah barangkali peruntukan tersebut kita gunakan untok kegunaan2 yang lain sudah tentu-lah akan men-datangkan hasil yang baik pada kita. Hal-hal ini ka-dang2-nya tanpa kita se-dari, tapi patut untok akan menular dan terus menular. Tambahan lagi larangan memboros dan membazir ini telah terang dan jelas di-terangkan di-dalam Al-Kor'an Surah Al-lsra' ayat 27 yang maksud-nya kira2: *"Sa-sungguh-nya pemboros2 itu ada-lah saudara2 shaitan dan shai-tan itu ada-lah sangat eng-kar kapada Tuhan-nya".* Begitu-lah akibat burok yang akan di-terima jika kita salah gunakan sikap penjemu dan pengalangan.

Dalam hal yang lain, ba-nyangkan yang kita telah kalangan melakukan pe-raka2 yang tidak baik, tidak berfaedah dan salah perkara2 tersebut ada-lah bertentangan pula dengan ajaran2 Ugama Islam. Walaupun barangkali pe-raka2 saperti ini jarang berlaku, tapi ia harus jua akan berlaku. Dan perka-ra2 yang jarang berlaku ini-lah kita rapat2kan untok berlaku kerana kalau-lah kita berbuat begini, ini be-erti kita telah memileh jalan yang bijaksana. Atau-dengan lain perkataan kita

Bingkisan minggu ini

telah pun memileh jalan bertaubat dan tidak akan melakukan-nya lagi. Ini ada-lah di-sebabkan pera-saan penjemu dan penga-langan telah dapat memper-garohi jiwa kita sa-hingga-kan kita memileh suatu jalan yang bernama taubat. Dari sudut pandangan Is-lam kita ada-lah di-galak-kan dan di-suruh untok menghentikan perbuatan2 yang tidak baik sa-belum tersesat lebeh jauh lagi. Kalau dulu-nya barangkali, kita ashek joli sana dan joli sini, mabok sana dan ma-bok sini, khayal sana dan khayal sini dan pendek-nya, apa jua yang tidak baik dan bertentangan kita laku-kan, tapi kita bersukor kerana sudah kalangan dan jemu dengan nada2 ter-sebut. Hasil-nya tentu-lah membuahkan sa-suatu yang baik, ia-itu chepat2 kembal ka-pangkal jalan. Dalam hal ini Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah Al-Hujurat potongan ayat 11 yang maksud-nya kira2: *"Dan sa-sungguh-nya sa-siapa yang tidak bertaubat, dan mereka itu-lah orang2 yang dzalim."*

Demikian-lah dua mitha-lan mengenai dengan sa-seorang yang memileh si-kap penjemu dan penga-langan. Ia menghasilkan kebaikan dan juga keburo-kan. Bagi kita sa-bagai umat Islam sa-patut-nya-lah memileh dan menempat-kan sikap penjemu dan pe-ngalangan ini pada pe-raka2 yang mendatangkan hasil2 yang baik dan men-jauhi mana-mana yang membuahkan perkara2 yang tidak baik dan tidak di-ingini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Mei, 1979 hingga ka-hari Selasa 8hb Mei, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
2hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	6.07
3hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	6.07
4hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	6.07
5hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	6.07
6hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.38	6.06
7hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.38	6.06
8hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.38	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SAHIBUL Fadzilah Pehin Mufti Brunei telah memetek dalam fatwa-nya tulisan Al-'Allamah Ash-Sheikh Muhammad Al-Khadzar Hussein, sa-orang ulama Azhar yang kemudian menjadi Pengarah Agong Universiti Al-Azhar. Tulisan itu telah di-siarkan oleh Majalah Al-Azhar yang di-terbitkan pada bulan Rabi'ul Awwal tahun 1389 bagi kali yang kedua-nya.

Tulisan itu antara lain: "Bahawa Bahai atau Bahaiyyah (Bahaism — Penu-lis) itu suatu perkataan yang di-ambil dari perkataan Baha-ullah, dan BAHU-ULLAH itu suatu gelaran yang di-pakai oleh sa-orang yang bernama Mirza Hus-sein Ali, ia-itu ketua yang kedua bagi puak yang di-namakan Bahai atau Bahaiyyah. Dan puak Bahaiyyah itu di-namakan juga Babiyyah yang di-ambil dari perkataan Bab, ia-itu suatu gelaran yang di-pakai oleh Mirza Ali Muhammad, ia-itu orang per-tama (yang mula2 sekali) menubuhkan puak Bahaiyyah.

Asal puak Bahai itu, ia-itu Mirza Ali yang bergelar Bab diam di-Shiraz selatan Iran. Dia belajar sedikit pelajaran kemu-dian membuka perniagaan. Tat-kala berumur 25 tahun, dia me-ngaku dan mendakwa jadi Mahdi Al-Muntadzar (Imam Mahdi) ia-itu pada tahun 1260 Hijrah. Orang2 jahil mengikut dakwaan-nya itu, dan dia menghantar pengikut2-nya ka-kampung2 dan bandar2 dalam negeri Iran ke-rana memberi tahu dia telah bangkit menjadi Mahdi... "

ASAL IKTIKAD PUAKE BAHAI

Bahaiyyah itu suatu ajaran yang baharu yang mengachau dan keluar dari lingkungan U gama Islam, bahkan Bahaiyyah suatu ajaran yang di-ambil dari puak2 BATINIYYAH, di-tambah tokok dengan ajaran berbagai-bagai ugama dan ber-macham-macham fikiran falsafah dan berbagai-bagai aliran faham siasah, dan kemudian Bahaiyyah itu mereka (*menchipta* — Penu-lis) perkara yang salah dan ka-rut, dan mereka sajikan sa-bagai satu ugama yang di-turunkan Allah... "

Di-bawah ini kita bentangkan ajaran Batiniyyah kemudian kita bawa pula ajaran Babiyyah atau Bahaiyyah supaya dapat di-keta-hui bahawa Bahaiyyah itu ber-asal dari ajaran puak Batiniyyah.

Ajaran Batiniyyah berusaha pada merobohkan U gama Islam, dan asal puak Batiniyyah itu, ia-itu satu kumpulan orang Ma-jusi Iran yang berkehendak me-mutar-belitkan U gama Islam sa-hingga menjadi macham iktikad dalam nenek mereka yang dahulu kala.

Orang2 Majusi itu berhimpun dan berunding dan mengingatkan hal ehwal datok nenek mereka berkerajaan besar, dan mereka berkata: Kita tiada-lah dapat memerangi orang2 Islam dengan kekuatan pedang, kerana mereka telah berkuasa di atas kerajaan dan negeri kita, tetapi kita boleh membuat helah dan daya (tipu daya) — Penulis) dengan memu-tar-belitkan ajaran ugama me-reka, sa-hingga menjadi sa-bagai iktikad dan keperchayaan dalam ugama kita Majusi, dan kita me-manjing orang2 Islam yang le-mah, dan dengan chara itu dapat kita melemahkan orang Islam dan memecah-belahkan me-reka.

TIPU-HELAH ORANG2 MAJUSI


Sahibul Fadzilah Pehin Mufti sa-lanjut-nya menerangkan be-berapa perkara yang di-buat oleh orang2 Majusi sa-bagai tipu-helah mereka untuk me-lemahkan Islam dan menarek orang2 Islam ka-dalam ajaran dan pakatan mereka. Antara-nya saya salin:

1. Mendatangkan segala shak wasangka dalam asal dan pun-cha2 U gama Islam.

2. Mengambil sumpah jangan membochorkan rahsia ajaran2

LAGI PETEKAN FATWA MENGENAI BAHAI

Siri ke-35



BAHA'U'LLAH NABI YANG DI-JANJIKAN UNTOK SEMUA MANUSIA

SALAH satu poster yang di-dapati dari penganut Bahai di-Brunei yang menunjukkan bentuk sa-buah bangunan (tempat ibadat orang Bahai?) dan di-bawah-nya di-tulis nama BAHU-ULLAH dengan keterangan sa-bagai Nabi yang di-janjikan untok semua manusia — Penulis.

itu.

3. Mendakwa dan mem-bayangkan bahawa ajaran me-reka (orang2 Majusi — Penulis) ada-lah sama dengan ajaran dan perjalanan ulama besar dari U gama Islam, dan perjalanan orang2 besar dunia, supaya orang2 yang lemah itu (akan terpengaruh dan — Penulis) ber-sungguh-sungguh berpegang de-ngan ajaran Majusi itu.

4. Memberi kemudahan ter-lepas orang itu dari kerja2 ba-dan yang di-beratkan oleh ugama.

5. Mengeluarkan orang yang di-seru itu dari iktikad keper-chayaan Islam, kemudian me-sajikan kepada-nya takwil2 dan huraian2 yang menyalahi dan mengeluarkan dia dari U gama Islam.

Chara begini, menurut fatwa itu lagi, telah di-turut oleh be-berapa puak yang bekerja me-robohkan U gama Islam. Satu puak berpura-pura kasehkan ke-luarga Rasulullah, tetapi (pada hal — Penulis) mereka itu tiada perchayaan sa-orang Nabi pun daripada Nabi2 Allah, dan me-reka tiada perchaya suatu Kitab dari Kitab2 Allah dan tiada perchayaan Hari Kiamat, dan tiada perchayaan ada Tuhan. Kemudian mereka berpura-pura membawa ayat dan hadith de-ngan mengubah dan mentakwil tujuan Allah pada ayat2 itu dan tujuan Rasulullah pada hadith2 itu.

Ada juga puak2 Batiniyyah yang berpura-pura kasehkan ke-luarga Rasulullah, mendakwa ada Nabi keluar dari keluarga

Rasulullah, saperti ISMA'ILIY-YAH yang berkata, bahawa Muhammad bin Ismail bin Ja'afar menjadi Nabi, bahkan puak Isma'iliyyah mendakwa sentiasa ada sa-orang Nabi sa-hingga-lah bangkit hari kiamat. Tiada begitu (bukan sa-takat itu — Penulis) sahaja dakwaan mereka, bahkan mereka men-dakwa satu kumpulan keluarga Rasulullah telah menjadi tuhan, ia-itu Syedina Ali itu tuhan dan satu bilangan besar anak chu-chu Syedina Ali telah menjadi tuhan.

Kerap-kali puak2 yang me-ngaku menjadi nabi atau tuhan itu membangkitkan perkara yang tiada di-ingini di-dalam negara2 Islam, dan ulama dan orang2 Islam telah bangun me-lawan perjalanan mereka itu dan menerangkan kepada ramai akan apa2 yang di-sembunyi-kan oleh mereka itu bagi me-robohkan U gama Islam dan me-narek orang Islam keluar dari U gama Islam.

Mengenai Bahaiyyah chuba mengubah dan memisongkan shari'at Islamiah atau menyele-wengkan tujuan sa-benar ayat2 Al-Kor'an dan hadith2 Nabi, maka Yang Dimuliakan Pehin Mufti sa-lanjut-nya berkata, antara lain:

"Orang Batiniyyah membawa dalil dari ayat Kor'an dan hadith, tetapi mereka itu meng-ubah dan memisongkan tujuan ayat Kor'an dan hadith dari yang sa-benar-nya, sa-umpama mereka itu berkata: *Haji Al-Baitul 'Atiq* ia-lah ziarah guru2 mereka, dan Babiyyah dan Ba-haiyyah pula berdalil dengan ayat Kor'an dan hadith, dan Mirza Ali yang bergelar Bab itu telah mensifatkan Surah Yusuf menurut jalan (*chara* — Penulis) Batiniyyah, dan ia ber-kata pada firman Allah (Surah Yusuf ayat 4 — fatwa asal me-nyebutkan nas ayat — Penulis). Kata-nya (Mirza Ali — Penu-lis): Yusuf itu (dalam ayat ini — Penulis) ia-lah Hussein bin Ali dan erti "*Ash-Shamsi*" itu Fatimah dan "*Al-Qamar*" itu Muhammad dan "*An-Naj-mu*" (Al-Kaukab) Imam2 Ah-lul-Haq dan mereka itu-lah yang menangkan Yusuf, dan sujud kepada-nya. Ini suatu takwil (huraian — Penulis) yang karut dan dusta."

